



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (77)
Tarikh : 28 Februari 2024
18 Syaaban 1445

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Ketua Pendaftar
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Penolong Pendaftar


Yang Arif / Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2024
PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH TAHUN 2023**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang di PULAZA Balik Pulau, Pulau Pinang pada 17 – 19 Syaaban 1445H bersamaan 27 – 29 Februari 2024 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai dua belas Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2023. Senarai Arahan Amalan tersebut seperti dilampiran 1.

2. Mohon Yang Arif/ Tuan/ Puan memastikan semua Arahan Amalan tersebut digunapakai dan dipatuhi pelaksanaannya.

Arahan ini berkuat kuasa mulai **01 Mac 2024**.


(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



LAMPIRAN 1

SENARAI ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH TAHUN 2023

- 1. Arahan Amalan No.1 Tahun 2023**
Tatacara Penukaran atau Pelepasan Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman (JBG)/ Peguam Panel JBG.
- 2. Arahan Amalan No. 2 Tahun 2023**
Penyediaan dan Pengeluaran Perintah Bertulis Bagi Kes Jenayah Syariah.
- 3. Arahan Amalan No. 3 Tahun 2023**
Penyediaan Waran Tangkap dan Notis Kepada Penjamin Bagi Kes Jenayah Syariah.
- 4. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2023**
Had Masa Pendaftaran dan Sebutan Kes Jenayah Syariah.
- 5. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2023**
Keperluan Untuk Mengemukakan Carian Rasmi/ Persendirian Geran Hak Milik Terkini Semasa Pendaftaran dan Pada Mana-Mana Peringkat Prosiding Sebelum Penghakiman Bagi Tuntutan/ Permohonan Harta Tak Alih.
- 6. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2023**
Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga *Ad Litem* Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding Kes Di Mahkamah Syariah.
- 7. Arahan Amalan No. 7 Tahun 2023**
Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU).
- 8. Arahan Amalan No. 8 Tahun 2023**
Pemakaian Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah Dalam Perbicaraan Kes *Mal* dan Jenayah Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak dan Bisu, dan Penterjemah Bertauliah Bagi Orang Yang Tidak Boleh Bertutur Dalam Bahasa Kebangsaan.
- 9. Arahan Amalan No. 9 Tahun 2023**
Penentuan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Yang Mendengar dan Memutuskan Kes Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran.
- 10. Arahan Amalan No. 10 Tahun 2023**
Galakan Untuk Melantik Peguam Syarie Dalam Prosiding Kes Yang Melibatkan Perbicaraan, Rayuan dan Semakan.

11. Arahan Amalan No. 11 Tahun 2023

Pemakaian Prosedur Operasi Standard (Standard Operation Procedure – SOP)
Pelaksanaan Hukuman Sebatan Di Luar Penjara Bagi Pesalah Syariah.

12. Arahan Amalan No. 12 Tahun 2023

Pemakaian Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Bagi Pesalah Syariah.